

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	13 FEB 2015



ORANG ramai berada di pekarangan rumah Nik Abdul Aziz Nik Mat untuk menziarahi jenazahnya di Pulau Melaka, malam tadi.

PM, TPM ucap takziah
pemergian Nik Aziz

UM-
13/2/2015

KUALA LUMPUR 12 Feb. - Datuk Seri Najib Tun Razak mengucapkan takziah di atas pemergian bekas Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat malam ini.

Perdana Menteri yang menghadiri Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-15 Yayasan Pendidikan Cheras (YPC) menghentikan seketika ucapan perasmianya selepas dimaklumkan oleh Menteri Wilayah PersekuUian, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor tentang perkara itu.

"Saya dimaklumkan oleh Tengku Adnan bahawa Tuan Guru Nik Aziz baru sahaja meninggal dunia.

"Oleh itu, marilah kita sama-sama membaca al-Fatihah dan memanjatkan doa kepada roh Al-

lahyarham semoga disemadikan dalam kalangan orang beriman," katanya.

Perdana Menteri turut membuat coretan di akaun Twitter miliknya: "Innalillahi wainnailahirajiun. Saya sedih mendengar Tok Guru Datuk Nik Aziz Nik Mat telah pulang ke rahmatullah. Al-Fatihah,".

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin turut mengucapkan takziah di atas pemergian Nik Abdul Aziz.

"Saya dengan penuh rasa dukacita mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham Datuk Nik Abdul Aziz. Moga roh beliau ditempatkan bersama hamba-hamba-Nya yang soleh." katanya melalui akaun Twitter.